

MAHATHIR - KAFIR 1984

KUALA LUMPUR, 6 DIS. (BERNAMA) -- KERAJAAN BERSETUJU MENGADAKAN MUZAKARAH BAGI MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH AGAMA YANG TIMBUL TERMASUK ISU MENKAFIR DENGAN SYARAT SEMUA PIHAK MESTI JUJUR DAN INGIN Mencari penyelesaian, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

BAGAIMANAPUN, Perdana Menteri menjelaskan beliau tidak bersetuju jika muzakarah itu dijadikan satu majlis forum oleh pihak tertentu untuk memberi penerangan tentang pendirian mereka atau partimereka.

+YA. MUZAKARAH ITU SATU CARA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH TETAPI 14 MESTI LAH SATU MUZAKARAH YANG MANA PESERTANYA JUJUR DAN INGIN Mencari penyelesaian.

+TETAPI JIKA IA CUMA, SEPERTI KATA SEORANG PEMIMPIN MEREKA (PAS) SEBAGAI SATU FORUM UNTUK MENJELASKAN DIRI MEREKA, MAKAYANG ITU BUKANLAH MUZAKARAH TETAPI SATU MAJLIS PENERANGAN ATAU PENJELASAN, + TAMBAHNYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAKUKAN UPACARA PENYEMPURNAAN BANGUNAN KOMPLEKS UMNO DI JALAN TUN DR. ISMAIL DI SINI.

OLEH DEMIKIAN, PRESIDEN UMNO ITU MENOLAK SERUAN PAS SEMALAM SUPAYA UMNO MENGADAKAN MUZAKARAH DENGAN PARTI PEMBANGKIT ITU BAGI MEMBINCANGKAN SEBARANG LANGKAH BAGI MEGGUBAL SATU UNDANG-UNDANG UNTUK BERTINDAK TERHADAP SESIAPA YANG MEMANGGIL ORANG ISLAM LAIN SEBAGAI KAFIR. - LAGI.

1558MST 06 12 84

MAHATHIR - KAFIR 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PRESIDEN PAS, ENCIK FADZIL NOOR, SEMASA MENGESYORKAN DEMIKIAN PERCAYA MUZAKARAH ITU AKAN MEMBOLEHKAN PAS UNTUK BUKAN SAHAJA MENERANGKAN PENDIRIANNYA TETAPI JUGA MENYUMBANGKAN PANDANGAN BAGI MENJAMIN KEKESANAN SEBARANG UNDANG-UNDANG BARU MENGENAI ISU MENKAFIR.

MENOLAK SYOR PAS ITU, DR. MAHATHIR MENJAWAB: +DIANAK MUZAKARAH UNTUK MEMBERI PENJELASAN. KITA BUKAN HENDAK PENJELASAN, KITA HENDAK MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH AGAMA YANG TIMBUL.

+MUZAKARAH MESTI BERTUJUAN Mencari penyelesaian. KITA HENDAK ADAKAN MUZAKARAH TETAPI MESTI ADA KEJUJURAN DARI SEMUA PIHAK, + TEGASNYA.

SEMASA BERUCAP DI MASJID NEGARA SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI SEMALAM, YANG DI-PERTUAN AGONG TELAH MENGANJURKAN SUPAYA DIADAKAN MAJLIS MUZAKARAH BAGI MENJERNIHKAN SEMULA SUASANA PERPECAHAN UMMAH DISEBABKAN PERBUATAN MENKAFIR SESAMA ISLAM.

SERI PADUKA JUGA MENITAHKAN SUPAYA DIGUBAL UNDANG-UNDANG BAGI MEMBOLEHKAN ORANG-ORANG ISLAM YANG CUBA MENKAFIRKAN ORANG ISLAM YANG LAIN DIHADAPKAN KE MAHKAMAH SYARIAH. ---LAGI

1604MST 06 12 84

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA MEMANDANGKAN MAHKAMAH SYARIAH DIBAWAH BIDANG KUASA KERAJAAN NEGERI DAN RAJA-RAJA, TERPULANGLAH KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI UNTUK MELAKSANAKAN UNDANG-UNDANG TERSEBUT.

+TUGAS SAYA CUMA MELAKSANAKAN PERANAN YANG DIBERIKAN KEPADA KERAJAAN PUSAT SAHAJA. SAYA TIDAK MEMPUNYAI KUASA DALAM BIDANG AGAMA.

+BAGAIMANAPUN KIT4 KEN4 KAJIMACAM MAN4 HENDAK MENGAMBIL TINDAKAN DALAM KEADAAN YANG MAN4 KIT4 TIDAK PUNY4 KUASA.+

DUAHARI LALU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN MUNGKIN MENGGUBAL SATU UNDANG-UNDANG BARU BAGI MEMBANTERAS PERBUATAN MENGGKAFIR SESAMA UMAT ISLAM DI NEGARA INI.

KATANYA, TINDAKAN TERSEBUT ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA LANGKAH YANG MUNGKIN DIAMBIL UNTUK MENYEKAT KEGIATAN SEUMPAMA ITU BAGI MENGELOKKAN PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU

DITANYASAMA AD4 UNDANG-UNDANG BARU ITU AKAN MENGENAKAN HUKUMAN SEBATH TERHADAP MEREKA YANG MENGGKAFIRKAN SESAMA UMAT ISLAM, DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN PERLU MEMBUAT PERTIMBANGAN BERDASARKAN KEADAAN MASAKINI.

+JIKAKITA BERPENDAPAT PATUT BERBUAT DEMIKIAN, MAKA PATUTLAH. TETAPI ITU BUKAN SATU CARA SAHAJA. BERMACAM-MACAM CAR4 UNTUK MENDERA ORANG YANG MEMBUAT KESALAHAN, + TAMBAHNYA, SEMASA MENGGULASSYOR BEBERAPA ORANG ULAMA AGAR DITAMBAH SATU SEKSYEN DALAM UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN HUKUM SYARAK BAGI MEMPERUNTUKKAN HUKUMAN PENJARA ATAU SEBATH TERHADAP MEREKA YANG MENGGKAFIRKAN SESAMA ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MERUJUKKAN SOAL PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG BARU ITU KEPADA KABINET DAN MAJLIS TERTINGGI UMNO SEKEMBALINYA DARI LAWATAN 10 HARI KE MESIR, LIBYA DAN MALIMULAI SABTU INI.

MAJLIS RAJA-RAJA, DALAM SIDANG KHASNYA TIGA HARI LALU, MEMPERSETUJUI FATWA BAHAWA PERBUATAN MENGGKAFIR SESAMA UMAT ISLAM ADALAH HARAM DAN MEREKA YANG MELAKUKAN PERBUATAN TERSEBUT HENDAKLAH BERTAUBAT.

EKORAN DARI ITU, ENCIK FADZIL MEMBERITAHU BAHAWA PAS AKAN MENEMUI PARA PEGAWAI MAJLIS HAL-EHWAL AGAMA ISLAM DAN MAJLIS FATWA UNTUK MENDAPATKAN PANDANGAN MEREKA DAN MEMBINCANGKAN ISU MENGGKAFIR ITU.

TETAPI, DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK TAHU TENTANG CADANGAN PERTEMUAN PAS ITU SAMBIL MENYATAKAN ITU MERUPAKAN URUSAN MEREKA.--

BERNAMA.

1627MST 0 6 12 84